

D.R. 44/2006

RANG UNDANG-UNDANG
INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2006

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Undang-undang yang mengatasi

BAHAGIAN II AKTIVITI
DITETAPKAN DAN PELESENAN

4. Aktiviti ditetapkan
5. Kehendak bagi lesen
6. Pihak berkuasa pelesenan
7. Permohonan bagi lesen
8. Pengeluaran lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Pindah milik lesen
11. Serah hak lesen
12. Pembatalan atau penggantungan lesen
13. Rayuan
14. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
15. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai pelesenan

BAHAGIAN III
KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN,
PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.

16. Pelantikan pegawai penguat kuasa
17. Kuasa penyiasatan

Fasal

18. Kad kuasa
19. Kuasa penangkapan
20. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
21. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
22. Kuasa untuk memasuki premis
23. Akses kepada data berkomputer
24. Penyitaan benda, dsb.
25. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
26. Senarai benda yang disita
27. Pemulangan sementara pengangkut, dsb.
28. Penjualan dan pelupusan bahan api yang disita
29. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
30. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
31. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
32. Pelucuthakan bahan api, dsb., yang disita
33. Hak harta mengenai bahan api, dsb., yang dilucuthakkan
34. Pelepasan bahan api, dsb., yang disita
35. Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan
36. Kuasa untuk mengambil sampel
37. Tatacara bagi pengambilan sampel
38. Pelantikan juruanalisis
39. Perakuan analisis
40. Pemeriksaan atau pengujian bahan api yang disita
41. Kos memegang bahan api, dsb., yang disita
42. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
43. Kuasa pihak berkuasa pelesenan untuk menghendaki maklumat mengenai bahan api, dsb.
44. Kuasa tambahan
45. Mengamang atau menghalang pegawai penguat kuasa menjadi kesalahan

BAHAGIAN V

AM

Fasal

46. Pengkompaunan kesalahan
47. Pemulaan pendakwaan
48. Percantuman kesalahan
49. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
50. Perlindungan pemberi maklumat
51. Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang
52. Pekhidmat awam
53. Kuasa untuk mengecualikan
54. Pindaan Jadual
55. Peraturan-peraturan
56. Peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penggunaan mandatori biobahan api, pelesenan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"biobahan api" ertinya apa-apa bahan api, sama ada pepejal, cecair atau bergas, yang dihasilkan daripada biojisim;

"biojisim" ertinya apa-apa pecahan terbiodegradasikan keluaran, buangan dan sisa daripada pertanian (termasuklah bahan tanaman dan binatang), perhutanan dan industri yang berkaitan, dan juga pecahan terbiodegradasikan buangan industri dan perbandaran;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"lautan" termasuklah perairan pedalaman;

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 8;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi biobahan api;

"pegawai penguat kuasa" ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 16;

"pemegang lesen" ertinya orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah seksyen 8;

"pengangkut" ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

"pihak berkuasa pelesenan" ertinya pihak berkuasa pelesenan yang disebut dalam seksyen 6.

Undang-undang yang mengatasi

3. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan bahan api.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan biobahan api, biobahan api yang diadakan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadakan dengan apa-apa biobahan api lain, peruntukan Akta ini hendaklah dipakai, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

BAHAGIAN II

AKTIVITI DITETAPKAN DAN PELESENAN

Aktiviti ditetapkan

4. Menteri boleh menetapkan —
- (a) jenis biobahan api yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan peratusannya mengikut isi padu untuk diadunkan dalam mana-mana bahan api; atau
 - (b) apa-apa aktiviti yang baginya penggunaan biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain hendaklah dijadikan mandatori.

Kehendak bagi lesen

5. (1) Tiada seorang pun boleh—
- (a) memulakan untuk membina apa-apa loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api;
 - (b) mengeluarkan apa-apa biobahan api;
 - (c) mengadun apa-apa biobahan api dengan apa-apa bahan api atau biobahan api lain;
 - (d) mengeksport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
 - (e) mengimport apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
 - (f) mengangkut apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti huluan;
 - (g) menyimpan apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain yang berkaitan dengan aktiviti huluan;

- (h) mengukur apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain; atau
- (i) menguji apa-apa biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain,

tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "biobahan api" merujuk kepada biobahan api yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pihak berkuasa pelesenan

6. Orang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua hendaklah menjadi pihak berkuasa pelesenan berkenaan dengan biobahan api yang terdapat dalam ruang kedua yang bersetentangan dengannya.

Permohonan bagi lesen

7. (1) Suatu permohonan bagi lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak berkuasa pelesenan mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang ditetapkan.

(3) Pihak berkuasa pelesenan boleh secara bertulis pada bila-bila masa selepas menerima permohonan dan sebelum permohonan itu diputuskan, menghendaki supaya pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa pelesenan.

(4) Jika subseksyen (1), (2) atau (3) tidak dipatuhi, permohonan bagi lesen itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh

diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

Pengeluaran lesen

8. (1) Setelah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada permohonan yang dibuat mengikut seksyen 7, pihak berkuasa pelesenan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Jika permohonan bagi lesen diluluskan, lesen hendaklah dikeluarkan dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

(3) Lesen boleh dikeluarkan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh pihak berkuasa pelesenan.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

9. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di tempat yang mudah dilihat dalam premis tempat perniagaan dijalankan dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh pihak berkuasa pelesenan atau mana-mana pegawai penguat kuasa.

(2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamerkan atau mengemukakan lesennya di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Pindah milik lesen

10. (1) Tiada lesen boleh dipindah milik daripada pemegang lesen kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis pihak berkuasa pelesenan.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Pihak berkuasa pelesenan boleh meluluskan pemindahan hak milik lesen jika—

- (a) pemegang lesen itu mati atau menjadi tidak upaya atau bankrap;
- (b) dalam hal sesuatu syarikat, pemegang lesen telah digulung atau seorang penerima atau pengurus telah dilantik berkenaan dengan perniagaan pemegang lesen itu; atau
- (c) atas apa-apa sebab pihak berkuasa pelesenan berpuas hati bahawa tidaklah adil jika lesen itu tidak dipindahkan hak miliknya.

(4) Suatu permohonan bagi pindah milik lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada pihak berkuasa pelesenan.

Serah hak lesen

11. (1) Pemegang lesen tidak boleh menyerahkan hak apa-apa hak, kewajipan, liabiliti atau obligasi di bawah lesennya kepada orang lain.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan atau penggantungan lesen

12. (1) Pihak berkuasa pelesenan boleh membatalkan atau menggantung mana-mana lesen jika pihak berkuasa pelesenan berpuas hati bahawa—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau bahawa mana-mana syarat lesen tidak dipatuhi;
- (b) pengeluaran lesen adalah disebabkan oleh representasi palsu fakta oleh atau bagi pihak pemegang lesen;
- (c) maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud; atau

(d) pemegang lesen telah berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti biobahan api yang baginya lesen itu dikeluarkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pihak berkuasa pelesenan tidak boleh membatalkan atau menggantung lesen atas alasan pelanggaran yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pihak berkuasa pelesenan berpuas hati, selepas memberikan pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi secara bertulis yang dia berhasrat untuk membuat, bahawa lesen itu patut dibatalkan atau digantung.

(3) Jika sesuatu lesen telah dibatalkan atau digantung, lesen itu tidak lagi berkuat kuasa dari tarikh pembatalan atau semasa tempoh penggantungan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Rayuan

13. (1) Seseorang yang terkilan —

(a) dengan keengganan pihak berkuasa pelesenan untuk mengeluarkan lesen; atau

(b) dengan pembatalan atau penggantungan lesennya,

boleh, dalam tempoh tiga puluh hari setelah diberitahu secara bertulis mengenai keengganan, pembatalan atau penggantungan itu, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, setelah menimbangkan suatu rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), mengesahkan atau menyetepikan keputusan yang dirayukan, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(3) Sesuatu rayuan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

14. (1) Pihak berkuasa pelesenan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan am yang selaras dengan Akta ini kepada pihak berkuasa pelesenan.

(3) Pihak berkuasa pelesenan hendaklah melaksanakan kesemua arahan yang diberikan di bawah seksyen ini dengan seberapa segera yang mungkin.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai pelesenan

15. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan cara memohon lesen di bawah Akta ini, fi yang dikehendaki dibayar baginya, syarat-syarat yang hendak dikenakan dan kuasa untuk menegakkan bilangan lesen;
- (b) menetapkan tatacara tentang pembatalan dan penggantungan lesen; dan
- (c) menetapkan tatacara tentang rayuan.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan hukuman denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN III

**KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN,
PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.**

Pelantikan pegawai penguat kuasa

16. Menteri boleh secara bertulis melantik apa-apa bilangan pegawai penguat kuasa yang perlu bagi maksud Akta ini.

Kuasa penyiasatan

17. Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

Kad kuasa

18. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Menteri.

(2) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa penangkapan

19. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang —

(a) yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(b) yang dengan semunasabahnya disyaki oleh pegawai penguat kuasa sebagai terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

20. (1) Jika ternyata pada Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau

- (b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi penjalanan penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki premis itu jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk—

- (a) menggeledah premis itu dan menyita atau mengalihkan dari premis itu apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa bahan api atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di premis itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang dan kelengkapan lain yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu berbuat sedemikian,—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pengalihan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan

(c) menahan mana-mana orang yang ditemui di dalam premis itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dalam premis itu atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

21. Bilamana seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau pada mana-mana tempat, premis, orang, atau pengangkut dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran di bawah seksyen 20 matlamat penggeledahan mungkin terkecewa, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan kekerasan sebagaimana yang perlu —

- (a) memasuki dan menggeledah tempat atau premis itu;
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang atau pengangkut itu; dan
- (c) menyita apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi keterangan tentang kesalahan itu.

Kuasa untuk memasuki premis

22. Walau apa pun seksyen 20 dan 21, seorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud —

- (a) memeriksa apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa; atau
- (c) memungut sampel apa-apa bahan api.

Akses kepada data berkomputer

23. (1) Mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang distorkan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, akses hendaklah diberikan dengan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami.

Penyitaan benda, dsb.

24. Tanpa menjejaskan subseksyen 20(2) dan seksyen 21, apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seorang pegawai penguat kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai penguat kuasa itu.

Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut

25. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut yang membawa apa-apa bahan api, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain berkenaan dengannya suatu

kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan apa-apa bahan api, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Senarai benda yang disita

26. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita dan tempat bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu telah dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada—

- (a) penghuni tempat atau premis tempat bahan api, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai; dan

(b) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu jika penyitaan dibuat di bawah seksyen 25.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis yang tidak didiami, pegawai penguat kuasa itu hendaklah bila-bila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu supaya mudah dilihat di tempat atau premis itu.

(4) Jika bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain disita selain di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan-alasan penyitaan itu kepada pemunya bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaan atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran atau dengan pengetahuan pemunya.

Pemulangan sementara pengangkut, dsb.

27. (1) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan disita di bawah Akta ini, mahkamah boleh buat sementara memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu atau orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah, dan tertakluk, walau bagaimanapun, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada mahkamah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

(a) tidak menyerahkan balik pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada mahkamah apabila diminta; atau

- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penjualan dan pelupusan bahan api yang disita

28. (1) Pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa bahan api yang disita di bawah Akta ini dijual dan hasil penjualan itu dipegang sementara menanti keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini jika—

- (a) bahan api itu mutunya mudah merosot;
- (b) penjagaan bahan api itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah;
- (c) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan bahan api itu; atau
- (d) bahan api itu dipercayai menyebabkan halangan atau bahaya kepada orang awam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika juruanalisis yang dilantik di bawah seksyen 38 memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakui oleh juruanalisis membuktikan, bahawa bahan api yang diuji olehnya tercemar, pegawai penguat kuasa itu boleh menyimpannya dalam penjagaan atau, jika tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan bahan api itu, menyebabkan supaya bahan api itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh pegawai penguat kuasa.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

29. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat siasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai penguat kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keengganannya itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

Pemeriksaan orang yang mengetahui kes

30. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas —

- (a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

31. (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak, secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang orang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai penguat kuasa, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai penguat kuasa lain atau mana-mana orang lain, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah itu untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis secara bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya yang bermaksud seperti yang berikut:

"Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas (kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya

menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kemungkinan keterangan kamu akan kurang dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.".

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis sedemikian telah disampaikan kepada orang itu jika notis sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin sesudah itu.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana presiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat terjumlah kepada, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu adalah suatu perkara matan.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (6) boleh, dalam mana-mana prosiding jenayah —

(a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa

apa-apa jua dikatakan dalam kehadirannya berhubung dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan sedemikian akan boleh diterima selain oleh sebab subseksyen itu; atau

- (b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain oleh sebab subseksyen itu.

Pelucuthakan bahan api, dsb., yang disita

32. (1) Apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tidak ada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain tidak boleh dilucuthakkan boleh, memberikan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam milikannya bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi mendapatkan keputusannya.

(6) Majistret yang kepadanya sesuatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapan Majistret itu dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa bahan api atau hasil penjualannya, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret hendaklah memerintahkan supaya bahan api atau hasil penjualannya atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen

atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantARSERAHKAN kepada pegawai penguat kuasa itu dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

(9) Pihak berkuasa pelesenan tidak bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam mutu bahan api yang disita di bawah Akta ini.

Hak harta mengenai bahan api, dsb., yang dilucuthakkan

33. Apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta pihak berkuasa pelesenan.

Pelepasan bahan api, dsb., yang disita

34. Walau apa pun seksyen 32, pihak berkuasa pelesenan boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita.

Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan

35. Seorang pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan mana-mana orang untuk memeriksa apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita atau ditahan di bawah Akta ini jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain bagi maksud penyiasatan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mengambil sampel

36. (1) Seorang pegawai penguat kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau memperoleh sampel apa-apa bahan api yang disyaki merupakan atau mengandungi biobahan api bagi maksud dianalisis tanpa apa-apa bayaran daripada mana-mana orang yang mengeluarkan, menjual atau memiliki bahan api atau agen atau pekhidmatnya yang daripadanya sampel itu didapatkan.

(2) Sampel yang diminta, dipilih, diambil atau diperoleh di bawah subseksyen (1) hendaklah diterima dalam mana-mana mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan yang dibuat oleh seseorang pegawai penguat kuasa di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tatacara bagi pengambilan sampel

37. (1) Jika pegawai penguat kuasa berhasrat untuk mengemukakan apa-apa sampel bahan api yang disyaki merupakan atau mengandungi biobahan api bagi dianalisis, pegawai penguat kuasa yang mendapatkan sampel itu hendaklah memaklumkan orang yang mengeluarkan, menjual atau memiliki bahan api itu atau ejen atau pekhidmatnya yang daripadanya sampel itu didapatkan, bahawa dia berhasrat untuk mendapatkan sampel itu untuk dianalisis oleh juruanalisis.

(2) Tatacara bagi pengambilan dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

Pelantikan juruanalisis

38. Pihak berkuasa pelesenan boleh melantik mana-mana orang berkelayakan untuk menjadi juruanalisis bagi maksud menjalankan suatu analisis ke atas apa-apa bahan api dan untuk memperakui keadaan, jenis, cara pemrosesan, mutu, piawaian dan grednya.

Perakuan analisis

39. (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seseorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Pendakwa Raya dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi, yang dalam hal itu dia hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Pendakwa Raya tidak kurang daripada tiga had genap sebelum pemulaan perbicaraan itu.

(2) Jika Pendakwa Raya berhasrat untuk memberikan sebagai keterangan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) dia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum pemulaan perbicaraan itu.

Pemeriksaan atau pengujian bahan api yang disita

40. Jika didapati perlu untuk memeriksa atau menguji apa-apa bahan api yang disita di bawah Akta ini, maka adalah mencukupi untuk memeriksa atau menguji hanya satu sampel representatif bahan api itu atau daripada setiap jenis atau perihalan yang berlainan bahan api atau, jika bahan api itu dibungkus dalam bungkusan yang berlainan, daripada kandungan setiap bungkusan.

Kos memegang bahan api, dsb., yang disita

41. Jika apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan pihak berkuasa pelesenan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, dalam hal mana-mana orang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada pihak berkuasa pelesenan oleh orang itu dan hendaklah boleh didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

42. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa bahan

api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai penjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang raunasabah.

Kuasa pihak berkuasa pelesenan untuk menghendaki maklumat mengenai bahan api, dsb.

43. (1) Pihak berkuasa pelesenan boleh menghendaki mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti yang melibatkan bahan api untuk memberi pihak berkuasa pelesenan maklumat yang berhubungan dengan komposisi dan kegunaan bahan api itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal untuk memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan komposisi dan kegunaan apa-apa bahan api yang mungkin dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa tambahan

44. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun, dan dokumen daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini dan meneliti, memeriksa dan menyalin mana-mana rekod, akaun dan dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Seseorang yang gagal untuk mematuhi permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan

boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengamang atau menghalang pegawai penguat kuasa menjadi kesalahan

45. Seseorang yang —

- (a) mengamang, menghalang, merintang atau mengganggu mana-mana pegawai penguat kuasa dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) mengambil balik atau berusaha untuk mengambil balik apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini; atau
- (c) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menyebabkan kehilangan, atau merosakkan atau memusnahkan apa-apa bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain untuk menghalang penyitaannya atau penyimpanan selamat bahan api, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV

AM

Pengkompaunan kesalahan

46. (1) Pihak berkuasa pelesenan boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat tawaran bertulis untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada pihak berkuasa pelesenan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh

peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh pihak berkuasa pelesenan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa bahan api atau hasil penjualannya, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh pihak berkuasa pelesenan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan mengikut syarat kompaun oleh pihak berkuasa pelesenan.

Pemulaan pendakwaan

47. Tiada pendakwaan bagi atau yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Percantuman kesalahan

48. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, jika seseorang itu dituduh melakukan lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam satu perbicaraan atas apa-apa bilangan kesalahan itu yang dilakukan dalam apa-apa jangka masa.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

49. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa

pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian —

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan —
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh di bawah Akta ini dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan —

- (a) oleh pekerjaanya dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Perlindungan pemberi maklumat

50. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama

atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data yang dikomputerkan yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dibuat sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang

51. Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa pelesenan; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau dikatakan dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan pihak berkuasa pelesenan, pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa pelesenan,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati, dan dengan mempercayai dengan semunasabahnya bahawa ia perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pekhidmat awam

52. Tiap-tiap anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen pihak berkuasa pelesenan dan pegawai penguat kuasa semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, pegawai, pekhidmat, ejen atau pegawai penguat kuasa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa untuk mengecualikan

53. (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti atau golongan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

Pindaan Jadual

54. Menteri boleh, selepas berunding dengan pihak berkuasa pelesenan, meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Peraturan-peraturan

55. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan pihak berkuasa pelesenan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi —

- (a) menetapkan piawaian pemprosesan, penstoran, pengangkutan dan pengendalian termasuk pembungkusan biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
- (b) menetapkan piawaian atau gred biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain dan membuat peruntukan untuk melaksanakan piawaian atau gred itu, termasuk peruntukan bagi atau yang berhubungan dengan pelabelan;
- (c) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti oleh pengeksport dalam mengeksport biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
- (d) mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan piawaian pelakuan yang sepatutnya dalam perjalanan industri biobahan api dan bagi urusan pelanggarannya;
- (e) menetapkan amalan yang hendaklah diikuti atau dielakkan dalam industri biobahan api;
- (f) menetapkan nama dan perihalan yang hendaklah digunakan bagi biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa biobahan api lain;
- (g) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan;
- (h) menetapkan rekod dan dokumen yang dikehendaki disimpan dan penyata yang dikehendaki dikemukakan;
- (i) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa pelesenan di bawah Akta ini dan cara memungut dan membelanjakan fi itu;
- (j) mengadakan peruntukan bagi mengawal selia semua atau mana-mana aktiviti pihak berkuasa pelesenan dan secara amnya bagi pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan pihak berkuasa pelesenan di bawah Akta ini; dan

- (k) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan hukuman denda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya bagi kesalahan itu.

Peruntukan peralihan

56. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh kuat kuasa Akta ini, sedang mengusahakan suatu aktiviti yang Akta ini terpakai hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh kuat kuasa Akta ini, memohon lesen di bawah seksyen 7 dan permohonan itu hendaklah dianggap sebagai suatu permohonan baru dan bukan sebagai suatu permohonan pembaharuan lesen.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1) pihak berkuasa pelesenan hendaklah mengeluarkan suatu pengakuteraan penerimaan kepada orang itu.

(3) Sementara menunggu pemutusan permohonan itu, orang itu boleh terus mengusahakan aktiviti itu.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 4 dan 5)

JENIS BIOBAHAN API

1. Olein Minyak Sawit
2. Metil Ester

JADUAL KEDUA

(Seksyen 6)

PIHAK BERKUASA PELESENAN

Pihak Berkuasa Pelesenan	Biobahan Api
Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi atau semasa ketiadaan Ketua Setiausaha, mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh Menteri secara bertulis	Biobahan api daripada keluaran kelapa sawit

Dalam Jadual ini —

"keluaran kelapa sawit" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582].

HURAIAN

Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2006 yang dicadangkan ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penggunaan mandatori biobahan api, pelesenan aktiviti yang berhubungan dengan biobahan api dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini mengandungi peruntukan permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
5. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa Akta yang dicadangkan adalah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan Akta yang dicadangkan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain, Akta yang dicadangkan hendaklah dipakai setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II Rang Undang-Undang ini memperuntukkan bagi aktiviti yang ditetapkan dan pelesenan.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk member! Menteri kuasa untuk menetapkan, melalui peraturan-peraturan, jenis biobahan api dan peratusannya mengikut isi padu yang hendaklah diadunkan dalam mana-mana bahan api. Menteri juga diberi kuasa untuk menetapkan aktiviti yang dalamnya penggunaan biobahan api hendaklah dijadikan mandatori.
8. *Fasal 5* mengandungi peruntukan mengenai kehendak bagi pelesenan aktiviti tertentu yang berhubungan dengan biobahan api.
9. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa pihak berkuasa pelesenan berkenaan dengan biobahan api yang tertentu adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Jadual Kedua menyatakan pihak berkuasa pelesenan berkenaan dengan biobahan api daripada keluaran kelapa sawit.
10. *Fasal 7, 8, 9, 10, 11 dan 12* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan permohonan bagi lesen, pengeluaran lesen, pameran dan pengemukaan lesen, pindah milik lesen, penyerahhakan lesen dan pembatalan atau penggantungan lesen masing-masing.
11. *Fasal 13* bertujuan untuk membenarkan pemohon untuk merayu terhadap keputusan pihak berkuasa pelesenan kepada Menteri.
12. *Fasal 14* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan am kepada pihak berkuasa pelesenan.
13. *Fasal 15* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai pelesenan aktiviti biobahan api dan cara untuk memohon bagi lesen, fi, syarat dan untuk menghadkan bilangan lesen yang dikeluarkan.

BAHAGIAN III

14. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan, dsb.
15. *Fasal 16* bertujuan untuk memberikan Menteri kuasa untuk melantik pegawai penguat kuasa yang perlu bagi maksud menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan.
16. *Fasal 77* memperuntukkan mengenai kuasa pegawai penguat kuasa menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan. *Fasal 18* mengadakan peruntukan bahawa setiap pegawai penguat kuasa di bawah *fasal 17* hendaklah diberikan kad kuasa dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kadnya apabila perlu.

17. *Fasal 19, 20, 21 dan 22* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa penangkapan, pengeledahan dan penyitaan dengan waran, pengeledahan dan penyitaan tanpa waran dan kuasa pegawai penguat kuasa untuk memasuki mana-mana premis bagi maksud pemeriksaan, penentusahan dan pemungutan sampel masing-masing.
18. *Fasal 23* mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan akses kepada data berkomputer.
19. *Fasal 24* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penyitaan benda, dsb.
20. *Fasal 25* memperuntukkan mengenai kuasa pegawai penguat kuasa untuk memberhentikan, memeriksa dan menyita pengangkut.
21. *Fasal 26* bertujuan untuk mengenakan suatu tanggungjawab ke atas pegawai penguat kuasa untuk menyediakan senarai benda yang disita dan *fasal 27* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pemulangan sementara pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita, oleh mahkamah kepada pemunya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh mahkamah.
22. *Fasal 28* bertujuan untuk memberi pegawai penguat kuasa, kuasa untuk mengarahkan penjualan dan pelupusan bahan api yang disita.
23. *Fasal 29* bertujuan untuk membenarkan mana-mana pegawai penguat kuasa untuk mengarahkan kehadiran orang yang mengetahui tentang kes.
24. *Fasal 30* bertujuan untuk memberi pegawai penguat kuasa, kuasa untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang mengetahui fakta dan hal keadaan kes dan *fasal 31* memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan.
25. *Fasal 32* memperkatakan pelucuthakkan apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
26. *Fasal 33* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa apa-apa bahan api yang dilucuthakkan atau disifatkan sebagai dilucuthakkan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi harta pihak berkuasa pelesenan.
27. *Fasal 34* memperuntukkan mengenai pelepasan apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
28. *Fasal 35* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan.
29. *Fasal 36* bertujuan untuk memberi pegawai penguat kuasa, kuasa untuk meminta, memilih, mengambil atau memperoleh sampel apa-apa bahan api yang disyaki merupakan atau mengandungi biobahan api bagi dianalisis dan *fasal 37* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa tatacara untuk mengambil dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan.

30. *Fasal 38* bertujuan untuk memberi pihak berkuasa pelesenan kuasa untuk melantik juruanalisis untuk menjalankan analisis atas apa-apa biobahan api, dan untuk memperakui keadaan, jenis, cara pemprosesan, mutu, piawaian dan grednya.
31. *Fasal 39* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa dalam mana-mana prosiding di bawah Akta yang dicadangkan, perakuan analisis yang ditandatangani oleh juruanalisis hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.
32. *Fasal 40* memperuntukkan bahawa bagi maksud pemeriksaan atau pengujian bahan api yang disita, adalah mencukupi untuk memeriksa atau menguji suatu sampel representatif bahan api itu.
33. *Fasal 41* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa kos memegang apa-apa yang disita di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada pihak berkuasa pelesenan dan boleh didapatkan sewajarnya jika orang itu didapati bersalah atas suatu kesalahan.
34. *Fasal 42* memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa benda dalam perjalanan atau berupa perjalanan kuasa di bawah Akta yang dicadangkan boleh didapatkan dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.
35. *Fasal 43* bertujuan untuk memberi pihak berkuasa pelesenan kuasa untuk menghendaki maklumat yang berhubungan dengan komposisi dan penggunaan bahan api.
36. *Fasal 44* bertujuan mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan pegawai penguat kuasa bagi maksud pelaksanaan Akta yang dicadangkan.
37. *Fasal 45* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengamang, menghalang, merintang atau mengganggu, dsb., mana-mana pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN IV

38. Bahagian IV mengandungi peruntukan am.
39. *Fasal 46* bertujuan untuk memberi pihak berkuasa pelesenan kuasa untuk mengkompaun kesalahan dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.
40. *Fasal 47* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pemulaan pendakwaan.
41. *Fasal 48* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan percantuman kesalahan.

42. *Fasal 49* memperuntukkan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

43. *Fasal 50* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perlindungan pemberi maklumat.

44. *Fasal 51* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlindungan pegawai penguat kuasa atau mana-mana pegawai yang dilantik sewajarnya oleh pihak berkuasa berlesen, dalam menjalankan kewajipan di bawah Akta yang dicadangkan.

45. *Fasal 52* memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen pihak berkuasa pelesenan dan pegawai penguat kuasa hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*] semasa menunaikan kewajibannya tersebut.

46. *Fasal 53, 54 dan 55* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan Akta yang dicadangkan, dan untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan masing-masing.

47. *Fasal 56* memperkatakan mengenai peruntukan peralihan. Mana-mana orang yang memegang suatu lesen yang dikeluarkan sebelum Akta yang dicadangkan berkuat kuasa hendaklah membuat suatu permohonan baru dalam tempoh enam bulan dari tarikh kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2455]